

CABARAN DAKWAH TERHADAP GOLONGAN NON MUSLIM DI MALAYSIA

Khairul Azhar Meerangani

khairulazhar@kuim.edu.my

Fakulti Keilmuan Islam

Kolej Universiti Islam Melaka

Abstrak

Malaysia merupakan antara negara yang terdiri daripada pelbagai etnik dan agama bernaung di bawah satu entiti yang sama. Kepelbagaiannya ini memerlukan kepada strategi dakwah yang bersifat anjal dan meraikan realiti semasa di Malaysia supaya kefahaman yang sebenar mengenai ajaran Islam dan penganutnya mampu diterjemahkan dengan lebih tepat. Maka, kajian ini bertujuan mengenalpasti cabaran semasa dalam dakwah terhadap non Muslim di Malaysia dengan meneliti penulisan-penulisan akademik serta perkembangan aktiviti dakwah khususnya oleh NGO yang bernaung di bawah Gabungan Dakwah Malaysia (GDM). Dapatkan kajian yang dianalisis secara induktif bagi merumuskan cabaran semasa yang perlu dihadapi oleh para pendakwah mendapatinya usaha dakwah terhadap golongan non Muslim ini meskipun lebih banyak diterajui oleh pendakwah bukan Melayu serta NGO yang bergerak secara sendiri, namun masih banyak lagi ruang yang boleh diperbaiki dalam rangka memantapkan lagi kerjasama dakwah terhadap golongan ini supaya gerak kerja yang lebih tersusun dan bersistematis mampu dilakukan. Penguasaan dan pemahaman yang jitu terhadap cabaran-cabaran semasa ini mampu membantu para pendakwah Muslim merencanakan usaha dakwah mereka dengan lebih berkesan.

Kata kunci : Dakwah, Realiti, Cabaran, Non Muslim, Kepelbagaiian

CHALLENGES OF DA'WAH TO THE NON-MUSLIMS IN MALAYSIA

Abstract

Malaysia is one of the multiracial countries and religions under one common entity. This diversity requires the da'wah's da'wah strategy and celebrates the current reality in Malaysia so that the true understanding of the teachings of Islam and its followers can be translated more accurately. Therefore, this study is aimed at identifying current challenges in the preaching of non Muslims in Malaysia by studying academic writings and the development of da'wah activities, especially by NGOs under the auspices of the Da'wah of Malaysia (GDM). The findings analyzed inductively to summarize the current challenges faced by preachers have found that preaching efforts towards non-Muslims are even more promoted by non-Malay preachers and NGOs that move on their own, yet there are still plenty of space that can be improved in order to strengthen yet more da'wah cooperation to this group so that more organized and systematic work can be done. The exact mastery and understanding of these current challenges can help Muslim preachers plan their da'wah efforts more effectively.

Keywords: Da'wah, Reality, Challenges, Non Muslims, Diversity

Pengenalan

Perjalanan usaha dakwah di Malaysia secara umumnya memperlihatkan perkembangan yang positif terutamanya dengan kemunculan pelbagai institusi dan persatuan dakwah yang dilihat konsisten dalam merancakkan perjuangan dakwah Islam di Malaysia. Namun begitu, fokus utama sebahagian besar gerakan dakwah ini dilihat lebih terarah kepada dakwah terhadap umat Islam dan kurang memberi tumpuan secara khusus terhadap aktiviti dakwah terhadap golongan non Muslim. Hal ini bukanlah suatu yang aneh memandangkan komposisi umat Islam di Malaysia sekitar 60%. Maka sudah pastilah tumpuan


yang lebih utama akan diberikan kepada kelompok majoriti berbanding minoriti. Namun dalam masa yang sama, usaha dakwah kepada non Muslim juga seharusnya dijadikan sebagai agenda utama supaya seruan dakwah Islam ini tidak terhad hanya kepada mereka yang beragama Islam sahaja bahkan mampu dipanjangkan kepada golongan non Muslim dalam usaha memastikan agar anugerah Islam itu berjaya sampai kepada sekalian manusia tanpa mengira apa jua latarbelakang dan kedudukan mereka.

Menurut Abd Rahman (2008), *mad'u* atau sasaran penerima dakwah itu dapat dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu *mad'u ijubah* dan *mad'u dakwah*. *Mad'u ijubah* merujuk kepada golongan Muslim yang telah menerima seruan dakwah Islam dan mengamalkan segala aturan-aturan yang terkandung di dalamnya. *Mad'u dakwah* pula merujuk kepada golongan non Muslim yang masih berada dalam kekufturan dan kesesatan yang menyimpang daripada ajaran Islam sama ada disebabkan penolakan mereka terhadap Islam atau pun kerana seruan dakwah Islam masih lagi belum disampaikan kepada mereka (Abu Dardaa, 2014). Usaha dakwah terhadap kedua-dua kumpulan ini sebenarnya mempunyai nilai keutamaan yang sama di sisi Islam dan perlu digerakkan secara efektif oleh para pendakwah. Namun dalam menentukan intipati dakwah, Abd Basith (2005) menyatakan bahawa kumpulan *mad'u ijubah* lebih sesuai diperkenalkan dengan konsep dakwah *Islahiyyah* iaitu seruan untuk menambahbaik dan meningkatkan kualiti hidup mereka sebagai seorang Muslim selaras dengan panduan syarak. *Mad'u* dakwah pula perlu diperkenalkan dengan konsep dakwah *Islamiyyah* iaitu seruan untuk mengenali dan memahami asas-asas utama dalam Islam serta menjernihkan segala kekeliruan dan salah faham mereka terhadap ajaran Islam ini.

Dakwah Terhadap Non Muslim

Para sarjana Muslim secara dasarnya tidak memperincikan suatu terminologi yang khusus mengenai pentakrifan sebenar golongan non Muslim. Namun secara umumnya, mereka boleh didefinisikan sebagai mereka yang tidak menyembah dan mentauhidkan Allah serta tidak menerima dan mengakui kedudukan Rasulullah SAW sebagai utusan Allah yang terakhir. Hal ini kerana penentuan kedudukan seseorang sebagai Muslim sangat berkait rapat dengan dua elemen ini (Khairul Azhar, 2016). Seruan untuk berdakwah kepada non Muslim bukanlah perkara baru bahkan telahpun bermula sejak zaman Rasulullah s.a.w di Makkah hingga baginda berhijrah ke Madinah. Seruan di Makkah lebih menekankan persoalan akidah sebagai tunjang jati diri seorang Muslim. Namun masih wujud umat Islam yang terleka dengan kepentingan menyampaikan mesej dakwah kepada non Muslim walaupun sebenarnya golongan ini merupakan sasaran yang lebih utama untuk didakwahkan kerana tuntutan dakwah yang paling tinggi ialah menyeru ke arah mentauhidkan Allah serta melepaskan diri daripada belenggu syirik dan kekufturan. Hal ini kerana kemungkar dan kezaliman yang paling besar menurut Islam adalah kufur dan syirik kepada Allah. Meskipun mereka melakukan pelbagai amal kebaikan dan kebajikan namun dosa kekufturan tersebut bakal menenggelamkan segala ganjaran baik atas kebajikan tersebut (Abd al-Karim, 1976). Maka, suatu langkah yang proaktif seharusnya diambil bagi memastikan golongan bukan Islam lebih cenderung untuk memahami Islam dengan kefahaman yang sebenar walaupun belum bersedia untuk menganutinya.

Secara asasnya, Islam memberikan kebebasan kepada setiap warga non Muslim untuk menganut dan mengamalkan ajaran mereka tanpa sebarang paksaan untuk menukarannya kepada Islam. Hal ini sebagaimana yang dinyatakan dalam ayat yang berikut:



Maksudnya:

“Tiada paksaan dalam agama. Sesungguhnya telah jelas jalan yang benar daripada jalan yang batil”. Surah al-Baqarah 2:256

Menurut Ibn Kathir (1997), tiada keperluan untuk memaksa golongan non Muslim kepada Islam kerana agama ini telah disampaikan dalam keadaan yang terang dan jelas sehingga tidak memerlukan

kepada sebarang bentuk kekerasan terhadap seseorang untuk menganuti agama ini. Umat Islam hanya diperintahkan untuk menyeru mereka secara baik dan berhemah tanpa perlu kepada sebarang bentuk provokasi dan penghinaan. Mereka dibiarkan untuk bebas menentukan jalan keagamaan mereka sendiri dalam kehidupan. Rasulullah SAW juga sewaktu menghantar memorandum perjanjian kepada penduduk Najran yang beragama Kristian telah melunaskan hak kebebasan tersebut menerusi pemberian jaminan perlindungan terhadap agama, harta serta rumah ibadah mereka (Hamidullah, 1969). Tindakan yang sama juga telah dilakukan oleh Umar al-Khattab sewaktu mengeluarkan satu jaminan keamanan kepada penduduk Aelia setelah tentera Islam berjaya menguasai bandar tersebut daripada tentera Romawi. Dalam jaminan tersebut, beliau telah menyatakan bahawa:

Maksudnya: Aku (Umar) memberikan satu jaminan keamanan untuk diri dan harta-harta mereka, serta gereja-gereja dan salib-salib mereka, kepada yang sakit mahupun sihat (tiada pengecualian) serta seluruh komuniti agamanya agar kaum Muslimin tidak mendiami (mengambil alih) dan memusnahkan gereja mereka. Diri mereka, tanah kediaman, salib-salib serta harta milikan mereka tidak akan dicerobohi mahupun dirampas. Penduduk tidak akan dipaksa dalam beragama mahupun dianaya (al-Tabari, t.t)

Jaminan yang dikeluarkan oleh Umar ini merupakan cerminan kefahaman beliau terhadap ajaran Rasulullah SAW. Pengeluaran jaminan ini dilihat penting dalam mengakis kepercayaan bahawa kelompok yang memerintah mempunyai kuasa yang besar untuk menguasai kehidupan bangsa lain dengan mengetepikan peruntukan hak yang sewajarnya dilunaskan kepada mereka (Roslan, 2011). Tahap pengamalan toleransi yang tinggi ini turut diakui oleh sarjana Barat sendiri antaranya Robertson yang menyatakan kekaguman beliau atas tindakan umat Islam yang mampu menghimpunkan perasaan cemburu (*al-ghirah*) terhadap agama Islam bersama perasaan tolak ansur (*al-tasamuh*) terhadap pengamalan agama penganut lain tanpa sebarang sekatan (Salih, 2008). Hal ini memperlihatkan bahawa asas dalam dakwah Islam itu bukanlah berbentuk pemaksaan dan kekerasan sebaliknya sebagai suatu bimbingan yang memerlukan yang diharapkan mampu melunakkan hati golongan non Muslim untuk mendekati Islam dengan kerelaan hati mereka sendiri.

Dalam hal ini, Allah telah menunjukkan jalan terbaik kepada umat Islam tentang pendekatan dakwah yang berkesan sebagaimana firmanNya:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمُوَعِظَةِ الْحَسَنَةِ ۖ وَجَدِّهُمْ بِالْتَّيْ هِيَ أَحْسَنُ ۝

Maksudnya:

“Serulah kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik serta berbahaslah dengan mereka menggunakan cara terbaik”. Surah al-Nahl 16:125

Menurut Sayyid Qutb (1996), dakwah secara berhikmah ialah meneliti dan memahami situasi dan realiti semasa sasaran dakwah serta mampu mevariasikan pendekatan dakwah ke atas mereka mengikut kesesuaian dengan penjelasan dan kefahaman yang tidak membebankan juga tidak dibina atas semangat dan keghairahan yang melampau sehingga terkeluar daripada ruang lingkup hikmah itu sendiri. Nasihat yang baik pula adalah melalui seruan secara lemah-lembut yang mampu meresap ke dalam hati manusia bukannya melalui ancaman, tegahan mahupun mengaibkan mereka atas kesalahan yang dilakukan disebabkan oleh kejahilan mereka. Elemen hikmah ini perlu diterapkan dalam proses dakwah kepada non Muslim bagi memandu para pendakwah dalam menerapkan metodologi yang terbaik dan berkesan kepada golongan sasaran dakwah tersebut. Nasihat yang baik serta penonjolan akhlak yang mulia pula penting dalam membina ikatan kemanusiaan yang kukuh sesama mereka dalam usaha mendekatkan lagi perasaan dan minat golongan non Muslim ini terhadap Islam.

Berdasarkan ayat tersebut juga, al-Razi (1981) menyatakan bahawa ketiga-tiga pendekatan dakwah tersebut walaupun dinyatakan secara berturut-turut, namun sebenarnya perlu disesuaikan dengan mengikut keadaan sasaran dakwah iaitu:

- 1- Golongan intelektual yang perlu diberikan hujah dan fakta yang berasas dan benar serta mampu menjentik akal mereka untuk berfikir tentang kebenaran hujah tersebut kerana mereka memiliki tahap pemikiran dan analisis yang tinggi. Pendekatan ini dinamakan secara ketelitian dan kebijaksanaan (*الحكمة*).
- 2- Golongan awam dengan kadar pemikirannya bersifat sederhana yang perlu didedahkan dengan prinsip agama secara umum seperti nilai akhlak dan moral sama ada menerusi perkataan mahupun kelakuan. Pendekatan ini dinamakan nasihat yang baik . (*الموعظة الحسنة*).
- 3- Golongan antagonis yang mana kebanyakan hujah mereka lebih bersifat sebagai mencabar tanpa menginginkan nilai kebenaran tersebut. Golongan ini perlu ditanggapi secara perdebatan yang mampu mematahkan argumentasi mereka serta mengukuhkan lagi kedudukan kebenaran Islam menggunakan cara yang paling tepat dan sesuai. Pendekatan ini dinamakan perdebatan (*الجدال*).

Berdasarkan keterangan ini maka dapat dirumuskan bahawa tugasan dakwah itu sebenarnya perlu dilengkapi dengan pelbagai maklumat dan pendekatan yang bersesuaian bagi memastikan keberhasilan dan keberkesanan kaedah yang digunakan. Ini kerana subjek dakwah tersebut adalah manusia maka sifat dakwah juga perlu bersifat manusawi dengan adanya unsur emosi, intelek, agama, budaya dan tradisi yang perlu digarap dan diambil kira bersama. Kegagalan mengharmonikan ke semua aspek tersebut bakal menghasilkan suatu pendekatan dakwah yang bersifat jumud serta kurang relevan dengan realiti semasa.

Cabaran Semasa Dakwah Non Muslim

Malaysia sebenarnya masih mampu berbangga kerana berjaya menyatukan pelbagai bangsa dan agama untuk sama-sama bernaung dalam satu negara. Namun, suasana harmoni ini tidak memadai sekiranya kita hanya mampu membiarkan sahaja saudara-saudara non Muslim kita terus hidup dalam kejahilan dan salah faham mereka terhadap Islam tanpa kita sendiri berusaha mengambil langkah untuk sekurang-kurang membuatkan mereka mempunyai kefahaman yang jelas mengenai Islam. Walaupun peruntukan Perlembagaan Persekutuan lebih cenderung menyebelahi kita dalam usaha penyebaran agama di samping kewujudan pelbagai institusi dan organisasi bagi memartabatkan Islam, namun masih terdapat beberapa cabaran semasa yang perlu diambil perhatian terutamanya membabitkan persoalan dakwah terhadap bukan Muslim di negara ini supaya kita tidak hanya terbuai berada dalam zon yang selesa tanpa cuba mengenal pasti realiti sebenar yang sedang mewarnai kehidupan bermasyarakat kita di Malaysia ini.

1. Persepsi Etnik dan Agama

Pengaruh sesuatu etnik yang mendominasi agama tertentu sememangnya wujud. Berdasarkan statistik penganut agama di Malaysia pada tahun 2010, tiga daripada empat agama utama di Malaysia memperlihatkan dominasi kaum tertentu melebihi 90% iaitu agama Islam (Melayu : 90.1%), agama Buddha (Cina : 97.8% dan agama Hindu (India : 98.7%). Agama Kristian pula lebih menonjol di Sabah dan Sarawak dengan memperlihatkan dominasi kaum Bumiputera Lain seperti Iban dan Kadazan-Dusun menyumbang kepada 64.7% daripada jumlah penganut Kristian di Malaysia (Ahmad Tarmizi, 2014). Maka tidak hairanlah apabila kebanyakan golongan non Muslim sebenarnya masih keliru terhadap agama Islam dan bangsa Melayu sebagaimana kita juga gagal membezakan antara agama Buddha dan Cina atau Hindu dan India. Doktrin Melayu itu Islam dan Islam itu Melayu masih kuat bertapak dalam pemikiran sebahagian besar golongan non Muslim di Malaysia sehingga mereka yang masuk Islam dikatakan sebagai ‘masuk Melayu’ (Ahmad Faisal, 2010). Persepsi ini antaranya mungkin disumbangkan oleh takrifan Melayu dalam Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan itu sendiri yang telah menetapkan Melayu itu sebagai mereka yang beragama Islam.

Menurut Mohd Azhar (2013), perbezaan yang ketara antara ajaran Islam dengan agama-agama lain membabitkan persoalan ketuhanan, pemakanan dan pergaulan telah menyumbang kepada stereotip negatif yang bersifat cauvinis dalam kalangan mereka. Isu-isu seperti menukar nama dan keturunan, amalan berpakaian, budaya kehidupan dan pengekalan hubungan dengan keluarga asal masih menghantui golongan non Muslim. Selain itu, imej dan persepsi negatif yang sering disandarkan kepada bangsa Melayu seperti pemalas, perasuah, berebut kuasa dan tidak pandai berdikari menyebabkan segala kelemahan tersebut disifatkan sebagai cerminan daripada ajaran Islam (Osman, 2009). Sebahagian mereka menimbulkan kebimbangan mengenai kemungkinan berlakunya proses asimilasi mereka ke dalam budaya masyarakat Melayu sehingga menyebabkan mereka bakal kehilangan identiti asal bangsa mereka (Abd Rahman, 2009). Kekurangan rujukan agama dalam bahasa lain selain Melayu dan Arab juga seakan-akan membantutkan usaha mereka untuk mendekati ajaran Islam di samping kekurangan penonjolan pendakwah Muslim selain bangsa bukan Melayu telah mengukuhkan lagi persepsi mereka ini (Osman, 2009). Di samping itu, pengaruh politik perkauman dilihat turut memainkan peranan secara tidak langsung kerana tindak tanduk parti-parti tertentu dilihat turut dikaitkan dengan agama yang sinonim dengan kaum tersebut (Azizan, 2014). Meskipun wujud parti politik yang menonjolkan elemen keagamaan dan ideologi namun pengaruh dan imej perkauman dilihat masih kuat dan kukuh mencengkam identiti parti tersebut. Perkara-perkara ini walaupun dianggap sebagai isu terpencil, namun sedikit sebanyak telah mula berakar umbi dan mempengaruhi pemahaman golongan non Muslim serta mengukuhkan lagi keraguan mereka mengenai konsep keterbukaan Islam.

2. Pengabaian Elemen Budaya Masyarakat

Budaya merupakan elemen yang sangat berkait rapat dengan entiti sesuatu bangsa kerana merangkumi konsep yang luas termasuk cara hidup, cara berfikir, kepercayaan, adat resam, bahasa, teknologi dan tradisi (Mahmood, 2006). Pengabaian terhadap pengaruh budaya dalam sesuatu bangsa biasanya boleh mendatangkan implikasi yang negatif. Malah tidak hairan apabila masih wujud pendakwah Muslim yang masih terkeliru dalam membezakan antara budaya sesuatu bangsa dengan ritual dan kepercayaan agama mereka. Mereka menilai semua budaya selain daripada budaya warisan turun-temurun masyarakat Melayu Muslim sebagai mewakili agama dan kepercayaan dominan dalam kaum tersebut sedangkan adat dan kebudayaan bangsa lain juga boleh terus diamalkan sekiranya mematuhi prinsip-prinsip Islam. Kelemahan dan kejumidan dalam memahami budaya sesuatu kaum sebenarnya boleh memberikan persepsi yang negatif terhadap Islam (Mohd Nor, 2011) yang boleh ditohmah sebagai agama yang bersifat eksklusif serta menutup ruang untuk bertoleransi sedangkan Allah telah mengiktiraf perbezaan kaum dan etnik ini supaya manusia boleh saling mengenali dan mempelajari elemen positif dalam budaya masing-masing (al-Qurtubi, 2006).

Maka, adalah kurang wajar seseorang itu dipaksa untuk meninggalkan budaya bangsanya hanya kerana telah memeluk Islam tanpa dinilai terlebih dahulu aspek-aspek dalam kebudayaan tersebut menurut Islam. Ini dapat diperhatikan apabila masih wujud pendakwah yang melarang sambutan Tahun Baru Cina secara mutlak tanpa memberikan sebarang ruang untuk bertoleransi sedangkan menurut Basri (2011), Tahun Baru Cina bukanlah termasuk dalam kategori perayaan keagamaan walaupun terdapat beberapa unsur kecil yang bercanggah dengan Islam kerana ia merupakan hasil tokok tambah oleh generasi terkemudian. Justeru, menjadi tanggungjawab para pendakwah untuk memahami perjalanan kebudayaan sesuatu bangsa sebagai langkah awal untuk membuka hati mereka menerima ajaran Islam. Begitu juga dalam aspek corak pemakaian yang melambangkan budaya sesuatu bangsa yang tidak perlu dipertikaikan selagi mana bukan menonjolkan elemen dan identiti yang khusus kepada agama tertentu (Khairul Azhar, 2017). Keterbukaan terhadap aspek kebudayaan sesuatu kaum ini bakal memperlihatkan ruang toleransi yang disediakan oleh Islam merentasi sempadan perkauman serta mampu menghalis persepsi bahawa Islam hanya dimonopoli oleh kaum tertentu sahaja.

3. Penglibatan Umat Islam dalam Dakwah

Kebanyakan pendakwah Muslim dilihat kurang menekankan usaha dakwah terhadap golongan non Muslim ini. Pelbagai faktor dapat dikenal pasti sebagai penyumbang kepada keadaan ini antaranya pergaulan merentasi sempadan agama dan bangsa yang jarang diamalkan terutamanya melibatkan mereka yang mempunyai latar belakang pendidikan agama semenjak kecil kerana dibiasakan dengan persekitaran sesama agama dan bangsa yang sama (Yusri, 2010). Ini menyumbang kepada pelebaran jurang sesama mereka serta menyebabkan wujudnya kejanggalan apabila perlu berurusan dan berinteraksi dengan golongan non Muslim ini. Selain itu, isu agama dan perkauman yang dilihat begitu sensitif mutakhir ini telah mewujudkan sikap berhati-hati dalam kalangan mereka kerana setiap isu yang ingin diketengahkan perlu dicermati terlebih dahulu bagi mengelakkan sebarang tindakan yang mungkin boleh dikenakan kepada mereka (Azizan, 2014). Hal ini menyebabkan mereka berasa lebih selamat dan selesa untuk berbahas mengenai persoalan agama dan kaum menurut kerangka sendiri sahaja.

Konsep dakwah yang diterjemahkan secara rumit juga turut membantutkan usaha ini antaranya yang menetapkan seseorang itu perlu dilengkapkan dengan ilmu pengetahuan agama Islam yang mendalam ditambah pengetahuan asas mengenai agama-agama lain sebelum mampu menjalankan tugas dakwah ini. Walhal, sebenarnya setiap daripada umat Islam itu sebenarnya dipertanggungjawabkan untuk menyampaikan seruan Islam kepada manusia lain sesuai dengan kadar kemampuan dan keupayaan mereka walaupun terbatas (Jemkhairil, 2010). Penonjolan akhlak yang baik sewaktu berinteraksi juga mampu memperlihatkan wajah keindahan agama Islam itu sendiri. Di samping itu, perlu difahami bahawa keterlibatan kita dalam menjayakan tugas dakwah ini sama ada secara langsung mahupun tidak langsung tetap akan mendapat penilaian yang sewajarnya daripada Allah sebagaimana nasihat Rasulullah SAW kepada Ali bin Abi Talib iaitu :

فَوَاللَّهِ لَا إِنْ يَهْدِي بَكُّرَّاً وَاحِدَّاً خَيْرٌ لَكُمْ مِنْ حُمُرِ النَّعْمَ

Maksudnya:

“Demi Allah, sungguh satu orang saja diberi petunjuk (oleh Allah) melalui perantaraanmu, maka itu lebih baik dari unta merah”. (Muslim bin Hajjaj al-Qusyairi, Sahih Muslim, Kitab Fada’il al-Sahabah, Bab Min Fada’il ‘Ali bin Abi Talib RadiyAllahu ‘Anhu, no hadis: 2406)

Menurut al-Nawawi (1994), unta merah merupakan antara harta paling bernilai yang dimiliki oleh bangsa Arab ketika itu. Rasulullah s.a.w menjadikan unta merah sebagai perumpamaan bagi menggambarkan betapa mulianya kedudukan mereka yang berusaha menjalankan operasi dakwah tersebut walaupun dengan keterbatasan masa dan tenaga namun segala-galanya mampu diketepikan semata-mata kerana menyahut seruan perintah Allah.

4. Pengaruh Media Massa

Tidak dapat dinafikan bahawa media massa sama ada bercetak mahupun elektronik turut mempengaruhi perjalanan dakwah di Malaysia. Media yang tidak jujur dalam penyampaian mereka seolah-olah menjadi alat propaganda yang membunuh daya intelektual serta menyuburkan sindrom kejihilan di kalangan rakyat (Jemkhairil, 2010). Kewujudan banyak sumber media terutamanya media elektronik yang dilihat gemar mempergunakan sesuatu isu sebagai modal utama bagi mempopularkan kedudukan dan *rating* mereka semata-mata dilihat semakin berleluasa sehingga membawa kepada perpecahan dalam kehidupan bermasyarakat. Ini kerana isu-isu membabitkan agama dan kaum dilihat sering menjadi '*viral*' dan mampu memberikan pengaruh yang besar lebih-lebih lagi kebanyakan maklumat ini biasanya diterima secara membuta tuli tanpa sebarang tapisan. Maka, menjadi tanggungjawab kepada para pendakwah Muslim untuk melengkapkan diri dengan kemahiran semasa serta melibatkan diri secara lebih aktif bagi menyeimbangi lambakan maklumat di laman sosial yang kebiasaannya banyak dijuarai penulis-penulis bertaraf amatur (Abd Ghafar & Badlihisham, 2012). Keterlibatan para pendakwah Muslim secara

berkesan dan berhikmah dilihat mampu mewujudkan perbahasan yang lebih harmoni serta membetulkan kembali segala kekeliruan dan salah faham yang mula mengakar dalam masyarakat.

Namun begitu, dalam masa yang sama para pendakwah juga perlu memastikan setiap maklumat yang disampaikan perlu dicermati dan diteliti secara terperinci terlebih dahulu bagi mengelakkan sebarang penggunaan fakta yang kurang tepat supaya tiada sebarang argumentasi dan provokasi boleh dilakukan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab (Burhanuddin, 2018). Setiap isu yang dibahaskan perlu dirujuk dan disahkan terlebih dahulu oleh mereka yang ahli dalam bidang tersebut bagi menonjolkan sudut integriti Islam berkaitan penyampaian ilmu dan maklumat. Adalah tidak wajar apabila kita memperlihatkan rasa tidak senang atas informasi salah berkaitan Islam namun kita pula secara mudahnya berbicara hal dan isu yang kurang tepat berkaitan bangsa dan agama lain. Ketepatan maklumat ini sedikit sebanyak bakal menimbulkan rasa hormat dalam kalangan non Muslim kerana elemen kejujuran dan amanah dapat dilihat secara nyata daripada tindakan tersebut.

5. Penguasaan Ilmu Alat

Dakwah yang berkesan memerlukan instrumen dan medium yang berkesan. Dakwah pada masa kini tidak lagi terhad kepada faktor lisan semata-mata bahkan perlu mengambilkira faktor bahan dakwah, suasana, dana, golongan sasaran, kemahiran berbahasa dan sebagainya. Semua aspek ini perlu digerakkan secara seiringan bagi memastikan sasaran dakwah tersebut benar-benar dapat dikuasai. Imej kolot, jumud, anti kemajuan teknologi serta kelemahan penguasaan bahasa Inggeris dan Mandarin sebagai medium komunikasi yang bersifat global perlu ditangani dan diatasi semampu mungkin bagi mewujudkan pendakwah yang benar-benar berkaliber dalam mendepani cabaran dakwah semasa. Setiap ruang dan kemudahan yang ada perlu dikuasai sebaik mungkin agar para pendakwah dilihat relevan dengan perkembangan semasa (Noor Azaian, 2017). Era globalisasi ini telah memperlihatkan kekuatan medium-medium siber seperti *Facebook*, *Whatsapp* dan *Telegram* dalam menularkan sesuatu maklumat dan perkongsian. Begitu juga perkongsian video di *Youtube* yang meskipun hanya dihadiri oleh audien yang kecil, namun capaian oleh para pengguna internet menerusi perkongsian di platform tersebut mampu mencecah sehingga ribuan tontonan secara maya. Para pendakwah juga perlu menguasai kemahiran tertentu yang dirasakan mampu meningkatkan kualiti penyampaian dakwah seperti kemahiran kaunseling, penyampaian awam, komunikasi berkesan, *Information and Communication Technology* (ICT) dan lain-lain bagi memastikan audien benar-benar tertarik dengan intipati dakwah yang disampaikan.

Selain itu, para pendakwah juga perlu lebih bijak dalam mempelbagaikan pendekatan dakwah terutamanya apabila berhadapan dengan sasaran yang berbeza. Golongan intelektual perlu didekati mengikut tahap dan kemampuan pemikiran mereka begitu juga dengan golongan awam yang lebih mementingkan persoalan moral berbanding perbahasan ilmu secara mendalam. Kemampuan pendakwah untuk menguasai kemahiran-kemahiran ini akan mengoptimumkan lagi peluang dan ruang mereka dalam menyampaikan dakwah serta melebarkan lagi capaian sasaran dakwah tersebut (Burhanuddin, 2018). Penggunaan perkataan atau pendekatan yang kurang sesuai dengan tahap dan kedudukan golongan sasaran dakwah ini bakal menjelaskan keberhasilan matlamat dakwah tersebut. Cukup menarik untuk diselusuri bagaimana kebijaksanaan Rasulullah SAW menggunakan pendekatan yang berbeza sewaktu berhadapan dengan individu dan golongan yang berbeza seperti puak Arab Badwi, ahli Kitab, orang munafik, golongan bangsawan dan pemimpin, kanak-kanak dan wanita serta umat Islam yang berbeza latar belakang dan pemikiran (Redzuan, 2010). Kemahiran inilah yang akhirnya menyumbang kepada berkembangnya dakwah Islam secara berkesan dan meluas.

6. Penyeragaman Organisasi Dakwah.

Penubuhan dan kemunculan organisasi dakwah sama ada menerusi sokongan kerajaan maupun inisiatif sendiri memperlihatkan kerancakan kegiatan dan perjalanan dakwah di Malaysia. Namun, kebanyakan organisasi sendiri dilihat lebih selesa bergerak secara sendiri di samping lemahnya jaringan kerjasama yang seragam sesama mereka. Hal ini mungkin dipengaruhi oleh perbezaan matlamat penubuhan

organisasi tersebut namun jika diperhalusi, sebenarnya setiap matlamat tersebut sebenarnya menjurus dan membawa kepada matlamat yang satu iaitu meninggikan kedudukan Islam di Malaysia. Kebanyakan organisasi dakwah terutamanya dibawah naungan kerajaan seperti Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) dilihat lebih banyak menumpukan usaha meningkatkan kesedaran dan kefahaman dalam kalangan umat Islam sahaja. Usaha mendekati dan mendampingi golongan non Muslim pula kelihatannya lebih banyak digerakkan oleh organisasi persendirian seperti Multiracial Reverted Muslim (MRM), Islamic Propagation Society (IPSI) dan Darul Fitrah dengan pengasasnya adalah dalam kalangan mereka yang sebelumnya pernah berada dalam agama selain Islam. Pengkhususan ini dari satu sudut sebenarnya membolehkan tugas dan sasaran dakwah difokuskan secara lebih sistematik namun usaha mewujudkan kesepakatan dan kerjasama dalam menggerakkan dakwah terhadap golongan non Muslim juga boleh dijadikan sebagai antara fokus tambahan setiap organisasi tersebut. Penubuhan jawatankuasa khas berkaitan non Muslim dalam setiap organisasi dakwah dilihat mampu memulakan proses perkongsian dan penyeragaman kemahiran, tenaga kerja, dana kewangan serta idea dan pendekatan yang terbaik bagi menghasilkan gerak kerja dakwah yang lebih berkesan. Kesepakatan dalam sudut matlamat boleh dijadikan sebagai indikator awal bagi memulakan gerak kerja ini walaupun setiap organisasi memiliki kaedah pendekatan yang berbeza.

Hasrat ini dilihat mampu menjadi kenyataan terutamanya dengan penubuhan Gabungan Dakwah Malaysia (GDM) yang telah berjaya didaftarkan dengan pihak Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS) pada 20 November 2017. Gabungan ini menghimpunkan 40 NGO dakwah dengan matlamat menyelaraskan dakwah kepada masyarakat majmuk di Malaysia serta menyampaikan risalah Islam yang sebenar bagi memperbetulkan persepsi yang tidak tepat berkaitan Islam. Meskipun kewujudan gabungan seumpama ini sebenarnya telahpun muncul sejak tahun 1999 menerusi penubuhan Gabungan Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan atau Allied Coordinating Committee of Islamic NGOs (ACCIN) di bawah naungan pihak Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), namun kesan kewujudannya kurang dirasai. Maka, solidariti baru yang diwujudkan menerusi platform GDM ini diharapkan mampu merancakkan lagi usaha dan strategi dakwah di Malaysia secara lebih efektif. Kemampuan untuk mengenetepikan segala perbezaan yang kecil serta menyatukan perjalanan matlamat yang sama mampu memperlihatkan kesungguhan setiap organisasi dalam memartabatkan dakwah terhadap golongan non Muslim ini serta menghasilkan gerak kerja yang lebih tersusun bagi menghasilkan keputusan dan tindakan yang jitu selaras dengan usaha yang telah dicurahkan.

Kesimpulan

Dakwah terhadap golongan non Muslim merupakan antara tanggungjawab utama yang perlu dilaksanakan oleh setiap individu Muslim berdasarkan tahap kemampuan diri masing-masing. Pelbagai cabaran perlu dihadapi dan ditangani oleh para pendakwah dalam memastikan keberkesanannya usaha dakwah yang digerakkan. Era globalisasi ini memperlihatkan lebih banyak cabaran baru yang muncul ditambah realiti Malaysia itu sendiri sebagai negara berbilang bangsa dan agama. Maka, situasi ini sudah pastinya memerlukan kepada suatu strategi dan mekanisme dakwah yang lebih ampuh dan fleksibel bagi memastikan kelancaran usaha dakwah terhadap golongan non Muslim khususnya di Malaysia. Penguasaan dan pemahaman yang jitu terhadap cabaran-cabaran semasa ini mampu membantu para pendakwah Muslim merencanakan usaha dakwah mereka dengan lebih berkesan kerana dalam dunia dakwah ini, sudah pasti mereka akan berhadapan dengan pelbagai reaksi, cabaran dan kemungkinan-kemungkinan yang kadangkala di luarjangkaan mereka sendiri. Maka, usaha berterusan secara sistematis dan efektif mampu menonjolkan ajaran Islam secara berhikmah tanpa memerlukan sebarang paksaan seterusnya menjinakkan lagi hati golongan non Muslim ini untuk mendekati dan memahami ajaran Islam itu sendiri.

Rujukan

- Abd al-Karim Zaydan. (1976). *Usul al-Da'wah*. Baghdad: Matba'ah al-Azim.
Abd al-Rahman Jirah. (2008). *Wasail al-Da'wah al-Islamiyyah*. Qahirah: Matba'ah Disywan.

- Abdul Basith. (2005). *Wacana Dakwah Kontemporer*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Abdul Ghafar Don dan Badlihisham Mohd Nasir. (2012). Cabaran Dakwah di Malaysia: Sebelum dan Selepas Merdeka. *Jurnal al-Hikmah* Vol. 4, 15-22.
- Abdull Rahman Mahmood, Kamaruddin Salleh, Ahmad Sunawari Long dan Faudzinain Badaruddin. (2009). Penerimaan Bukan Islam Terhadap Proses Islamisasi di Malaysia. *Jurnal Hadhari* Vol. 2, 33-51.
- Abu Dardaa Mohamad (2014) *Cabaran Dakwah Islamiah dan Masalah Perapi di Sarawak* (Prosiding, Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014, Pusat Kajian Dakwah Orang Asli dan Pribumi, Universiti Kebangsaan Malaysia)
- Ahmad Faisal Abdul Hamid dan Hamidah Jalani. (2010). Beberapa Pandangan Mengenai Islam dari Perspektif Parti Politik Melayu. *Jurnal Tamadun*, Vol. 5, 117-130.
- Ahmad Redzuan Mohd Yunun. (2010). *Dakwah Multi Etnik*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Tarmizi Talib et al. (2014). *Toleransi Sosio-Agama di Sabah*. (Prosiding, Seminar Dakwah dan Etnik, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu).
- Al-Nawawi, Yahya bin Syarf. (1994). *al-Minhaj fi Syarh Sahih Muslim*. Qahirah: Mu'assasah Qurtubah.
- al-Qurṭubi, Muhammad bin Ahmad bin Abi Bakr. (2006). *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Qushayri, Muslim bin Hajjaj. (1991). *Sahih Muslim*. Qahirah : Dar al-Hadith.
- al-Tabari, Abi Ja'far bin Jarir. (t.t.). *Tarikh al-Rusul wa al-Muluk al-Ma'ruf*. Qahirah: Dar al-Ma'arif.
- Azizan Baharuddin. (2014). *Kajian Isu dan Cabaran Hubungan Antara Pengikut Agama di Malaysia*, Serdang: Penerbit UPM.
- Basri Ibrahim. (2011). Perayaan Bukan Islam dalam Sebuah Negara Islam, dlm. Abdul Karim Ali & Rumaizi Ahmad al-Mustapha (eds.), *Fiqh Masyarakat Bukan Islam di Malaysia*. Shah Alam: Imtiyaz Multimedia & Publications.
- Burhanuddin Jalal et.al. (2018). Pendekatan Dakwah untuk Cabaran Masa Depan: Satu Soroton. *Tinta Artikulasi Membina Ummah* Vol. 4, No. 1, 23-33.
- Ibn Kathir, Isma'il bin 'Umar. (1997). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Riyad: Dar al-Tayyibah.
- Jemkhairil. (2010). Komunikasi antara Budaya sebagai Metode Dakwah untuk Masyarakat Multi Etnik. *Jurnal al-Hikmah* Vol. 2, 83-96.
- Khairul Azhar Meerangani. (2016). *Isu Semasa Terhadap Hubungan Sosial Dengan Non Muslim di Malaysia daripada Perspektif Hukum Islam*. (Tesis Kedoktoran, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).
- Khairul Azhar Meerangani. (2017). *Pengaruh Elemen Tasyabuh Dalam Interaksi Antara Agama di Malaysia Menurut Perspektif Islam*. (Prosiding, Seminar Kebangsaan Pengajian Akidah dan Agama 2017 (SIGMA 7), Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan USIM).
- Mahmood Zuhdi Ab. Majid. (2006). Pengaruh Timbal Balik antara Hukum dan Budaya dalam Syariat Islam, dlm. Md. Saleh Ahmad (et.al), *Hukum Islam dan Budaya Tempatan*. Kuala Lumpur : Jabatan Fiqh dan Usul, Universiti Malaya.
- Mohd Nor Manut. (2011). Islam dan Toleransi Budaya dalam Masyarakat Majmuk di Malaysia : Beberapa Catatan. dlm. Abdul Karim Ali & Rumaizi Ahmad al-Mustapha (eds.), *Fiqh Masyarakat Bukan Islam di Malaysia*, Shah Alam: Imtiyaz Multimedia & Publications.
- Noor Azaian Abdul Talib et.al (2017), Cabaran Dakwah Islam di Alam Siber, *Journal of Social Science and Humanities*, 2-10.
- Osman Abdullah. (2009). *Da'wah to Non-Muslim Chinese in Malaysia: Some Preliminary Thoughts*. Kuala Lumpur: IIUM Press.
- Sayyid Qutb. (1996). *Fi Zilalil Quran*. Beirut: Dar al-Syuruq.
- Yusri Mohamad Ramli. (2010). *Dakwah kepada Non-Muslim: Pemerkasaan Strategi Menghadapi Tantangan Kontemporari*, (Prosiding, Seminar Antarabangsa Agama dan Pembangunan Malaysia-Indonesia, Alauddin Makassar, Indonesia).